

RENCANA

Pengorbanan mempunyai makna berlainan bagi individu berbeza, namun akur bahawa ia sesuatu yang perit dan tidak mudah dilakukan. Dalam laporan berikut, **Berita Harian** memaparkan pengorbanan dua insan, Syed Abdul Kadir yang dengan berat hati bersara sebagai Presiden Persekutuan Tinju Singapura (SBF) disebabkan keadaan kesihatan yang tidak mengizinkan dan jururawat dan ibu tiga anak, Cik Erwana Ismail yang kembali menjadi pelajar sepuh masa demi meningkatkan kemahirannya di tempat kerja, dan ketabahan seorang ibu, Cik Kamsiah Eusoof menguruskan anak istimewanya.



SUDAH TIBA MASA UNTUK BEREHAT:
Syed Abdul Kadir (dua dari kiri) bersama (dari kiri) anak lelakinya Syed Muhammad Fahmy, 47 tahun, yang juga seorang petinju; isterinya Cik Zalia Jaafar, 71 tahun, dan Cik Hanni, di rumah mereka.
— Foto BH oleh ARIFFIN JAMAR

►ZULAIQAH ABDUL RAHIM
zulabr@sph.com.sg

KEADAAN kesihatan mantan Presiden Persekutuan Tinju Singapura (SBF) Syed Abdul Kadir yang merosot sejak tahun lalu menjadi titik penting untuk beliau mengumumkan persaraannya daripada sukan tinju pada Mei lalu, menurut anak perempuannya, Sharifah Ummu Hanni, kepada *Berita Harian* (BH).

Cik Hanni, 42 tahun, menambah bahawa bapanya baru-baru ini disahkan mengalami strok ringan pada otak kanannya, yang menyebabkan bahagian kiri tubuh menjadi lemah.

Syed Abdul Kadir, 74 tahun, namun masih boleh berjalan, meskipun perlahan serta harus dibantu, dan sedang menjalani rawatan terapi, katanya lagi.

Awal minggu ini, BH melaporkan bahawa Syed Abdul Kadir telah melepaskan jawa-

tannya sebagai presiden SBF sejak sekira dua bulan lalu.

Bekas petinju negara itu mengumumkan persaraannya pada 20 Mei lalu selepas menyuarakan hasrat untuk meluangkan masa bersama keluarga, menurut kenyataan SBF ketika menjawab pertanyaan BH.

Syed Abdul Kadir telah memimpin SBF — yang sebelumnya dikenali sebagai Persatuan Tinju Amatur Singapura (Saba) — sejak dilantik pada 2009.

“Sebenarnya, dia sudah lama patut bersara...tapi semangatnya untuk memperjuangkan tinju amatlah kuat. Jadi, apabila kesihatan tidak mengizinkannya (untuk terus memimpin SBF) pada tahun lalu, kami sekeluarga berbincang untuk dia bersara demi kebaikannya,” ujar Cik Hanni, yang kini menjaga dan menguruskan bapanya.

“Persaraan ini bukan keputusan mudah buat bapa saya sebab dia sudah terlibat dalam sukan tinju dalam tempoh lama...sebenarnya dia lahir lagi.

“Ia seperti satu kehilangan besar buatnya, yang sudah terbiasa aktif dengan pelbagai kegiatan sukan. Tapi, dia kini semakin menerima hakikat keadaannya,” tambah beliau.

Syed Abdul Kadir mula bergiat dalam sukan ini sejak usia 11 tahun dan pada usia 18 tahun, bersaing secara kompetitif. Legenda tinju itu adalah salah satu daripada empat petinju negara yang pernah menggondol pingat emas di Sukan SEA.

Beliau dinobat juara di Sukan SEA Kuala Lumpur pada 1971.

Beliau juga mewakili Singapura di Sukan Olimpik 1972 di Munich, Jerman, meskipun tidak bertanding akibat kecederaan.

Kemenangan pingat gangsa di Sukan Komanwel 1974 di New Zealand, yang pertama untuk tinju negara di temasya sukan itu, menobatkan beliau sebagai Atlet Terbaik oleh Majlis Olimpik Kebangsaan Singapura (SNOC) pada tahun berikutnya.

Pada hujung 1976, Syed Abdul Kadir mengumumkan persaraannya daripada bersaing dalam gelanggang. Beliau bersara dengan hanya 11 kekalahan dalam lebih 100 pertarungan dan memegang takhta juara Singapura selama lapan tahun.

Beliau kemudian menyertai jawatankuasa pengurusan Saba dan berkhdimat sebagai jurulatih nasional, setiausaha dan naib presiden selama tempoh tiga dekad, sebelum dilantik sebagai presiden pada 2009.

Ditik kecemerlangan Syed Abdul Kadir bergelar jurulatih adalah pada 1985, apabila beliau membimbangi skuad nasional meraih beberapa kejayaan antarabangsa termasuk membangun pulang emas Sukan SEA pertama negara dalam 12 tahun.

Ia dimenangi oleh Mohammed Mukhlis Amat di Bangkok, iaitu juga kekal menjadi kali terakhir negara menggondol emas di temasya sukan dwitahunan berprestij itu. Syed Abdul Kadir turut diiktiraf sebagai Jurulatih Terbaik oleh SNOC pada tahun itu.

Setelah menyumbang sebahagian besar hidupnya kepada sukan tinju Singapura, Cik Hanni rasa sudah tiba masa untuk bapanya berasah.

“Dia memberi begitu banyak (kepada sukan tinju). Malah, terlalu banyak yang dia berikan,” kata Cik Hanni.

“Saya telah melihat dia keluar bekerja dari awal pagi dan akan hanya pulang pada tengah malam untuk menghabiskan kerjanya. Saya melihat cara dia membimbangi petinju lelaki bahkan juga wanita...dia seperti seorang bapa kepada mereka.

“Saya boleh katakan bapa saya seorang lelaki yang bertubuh kecil tapi memiliki hati besar,” tambah beliau.

Dengan pengunduran Syed Abdul Kadir sebagai presiden, kekosongan sementara itu akan diisi naib presidennya, John Thirunavukarasu, sehingga satu mesyuarat agung tahunan (AGM) diadakan pada Ogos ini.

►NUR DHUHA ESOOF
nurdhuha@sph.com.sg

DEMI mencapai cita-cita menjadi seorang jururawat, Cik Erwana Ismail sangat mengambil jalan panjang dan berliku bagi mencuegi bidang tersebut.

Perjalannya untuk menjadi jururawat mendaftar juga menghendaknya mengorbankan masa bersama keluarga dan meninggalkan buat sementara pekerjaan yang beliau sudah selesa lakukan untuk kembali menjadi pelajar sepuh masa.

Kini walaupun beliau telah mencapai cita-cita untuk menjadi seorang jururawat, Cik Erwana masih mahu melanjutkan pengajiannya untuk melihat sejauh mana beliau boleh pergi dalam usahanya untuk terus mendaki tangga kerjaya.

Ibu tiga anak itu baru-baru ini diberikan Anugerah Merit Jururawat 2022 yang mengiktiraf jururawat yang menampilkan prestasi cemerlang dan luar biasa, menyertai usaha pembangunan profesional serta menyumbang kepada usaha mempertingkatkan kerjaya jururawat.

Seramai 125 jururawat menerima anugerah kebangsaan tersebut di satu majlis yang diadakan di Pusat Konvensyen dan Pameran Suntec dan dihadiri Menteri Kesihatan, Encik Ong Ye Kung.

Dihubungi *Berita Harian* (BH) baru-baru ini, Cik Erwana, 36 tahun, berkata beliau terdorong untuk menjadi jururawat setelah melihat penjagaan dan kasih sayang yang diberikan oleh seorang jururawat yang menjaga arwah neneknya yang tidak sihat dahulu.

“Profesionalisme jururawat itu, serta kesabarannya menjawab pertanyaan ahli keluarga dan kasih sayangnya terhadap arwah nenek saya membuat saya kagum denganannya dan mahu turut menjadi jururawat,” kata Cik Erwana.

Selaras tamat pengajian sekolah menengah, beliau membuat permohonan untuk mengikuti kursus Nitec dalam kejururawatan di Institut Pendidikan Teknikal (ITE) tetapi ia ditolak.

Beliau terpaksa menerima pilihan keduanya iaitu kursus Nitec dalam kemahiran pejabat.

Tetapi beliau tidak berputus asa.

Selesai mengikuti kursus itu, Cik Erwana menyertai pula kursus penolong penjagaan kesihatan yang ditawarkan oleh Institusi Sains Kesihatan HMI selama dua tahun.

Beliau kemudian menjalani latihan sambil bekerja di Hospital Tan Tock Seng (TTS) sebagai penolong penjagaan kesihatan dan melakukan tugas penjagaan asas seperti memandikan pesakit atau membantu mereka ke tandas.

Pada waktu itu, beliau masih lagi belum bergerak jururawat, dan Cik Erwana masih lagi tidak berpuas hati kerana belum mencapai cita-citanya.

Selaras menjadi penolong penjagaan kesihatan selama sekitar enam tahun, beliau mengikuti kursus Nitec dalam kejururawatan sebagai pelajar sepuh masa di bawah tajaan TTS.

“Apabila saya kembali menjadi pelajar pada waktu itu, saya sudah berumah tangga dan telah



TINGKAT KEMAHIRAN: Cik Erwana kini melanjutkan pengajian di peringkat diploma pula untuk meningkatkan kemahirannya. Beliau bersyukur mempunyai keluarga yang memahami dan menyayangi impianinya. Cik Erwana bersama suami, Encik Khairul Anwar Abdul Jabar, dan anak-anak (dari kiri) Nur Zalikha, Muhammad Zehaan Eshan dan Muhammad Zayan Ehan. — Foto-foto TTS, ihsan ERWANA ISMAIL

TAK MUDAH KEMBALI BERSEKOLAH SELEPAS BERTAHUN KERJA

“Tidak mudah untuk saya kembali ke sekolah selepas beberapa tahun bekerja, tetapi saya cuba lakukan yang terbaik mungkin.

Biasanya kelas bermula sekitar 8 pagi dan adakala habis sekitar 5 petang.

...Mujur kini saya mempunyai seorang pembantu untuk tengok-tengokkan anak-anak saya yang berusia sembilan, lima dan empat tahun.”

— Cik Erwana Ismail.

Akibat strok, legenda tinju bersara dengan berat hati

BERSARA SEPERTI SATU KEHILANGAN BESAR

BERSARA SEPERTI SATU KEHILANGAN BESAR

“Persaraan ini bukan keputusan mudah buat bapa saya sebab dia sudah terlibat dalam sukan tinju dalam tempoh lama...sebelum saya lahir lagi.

Ita seperti satu kehilangan besar buatnya, yang sudah terbiasa aktif dengan pelbagai kegiatan sukan. Tapi, dia kini semakin menerima hakikat keadaannya,” tambah Sharifah Ummu Hanni.

— Sharifah Ummu Hanni.

Walau impian jadi jururawat tercapai masih terus ke sekolah mendaki kerjaya



dikurniakan cahaya mata pertama. Apabila saya ke sekolah, ibu saya membantu menjaga anak saya,” katanya.

Selepas dua tahun dan dengan sijil Nitec yang didamkan itu dalam genggamnya, Cik Erwana akhirnya bergelar jururawat mendaftar.

Tahun lalu, beliau dinaikkan pangkat menjadi jururawat mendaftar kanan di wad neurologi.

Tugasnya termasuk membimbangi penolong penjagaan kesihatan, jururawat mendaftar baru, dan pelajar yang mengikuti latihan kerja di wadinya.

Cik Erwana juga memberi latihan pengasuhan kepada ahli keluarga pesakit dan penjaga mereka agar dapat menjaga pesakit dengan sempurna setelah mereka dibenarkan pulang ke rumah.

Beliau turut bekerjasama dengan pakar pemakanan untuk memperbaiki pemakanan pesakit.

Namun ini tidak bermakna Cik Erwana sudah berbangga dengan dirinya kerana telah mencapai impianinya.

“April lalu, beliau kembali bergelar pelajar

sepenuh masa, kali ini di politeknik, untuk mengikuti kursus diploma dalam kejururawatan selama dua tahun yang juga dibayai TTS.

“Pelajar lain dalam kursus ini 12 tahun lebih mudah daripada saya. Tidak mudah untuk saya kembali ke sekolah selepas beberapa tahun bekerja, tetapi saya cuba lakukan yang terbaik mungkin.

“Biasanya kelas bermula sekitar 8 pagi dan adakala habis sekitar 5 petang. Saya ada projek untuk diselesaikan dan ujian untuk dihaduji jadi saya perlu bijak mengatur masa di rumah untuk mengulang kaji pelajaran dan menyelesaikan tugas sekolah.

“Mujur kini saya mempunyai seorang pembantu untuk tengok-tengokkan anak-anak saya yang berusia sembilan, lima dan empat tahun,” kata Cik Erwana.

Selesai pengajian di politeknik nanti, beliau merancang untuk melanjutkan pengajian lagi ke peringkat seterusnya jika diberi peluang, dan terus bekerja di TTS.